

Personaliti Masyarakat dan Kejayaan Program *Homestay*

Hamidi Ismail
Program Pengurusan Pembangunan
Pusat Pengajian Kerajaan
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
E-mail: hamidi@uum.edu.my

Md Sirat Abu
Pelajar Sarjana Pengurusan Pelancongan
Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
E-mail: mdsirat59@gmail.com

Tuan Pah Rokiah Syed Hussain
Program Pengurusan Pembangunan
Pusat Pengajian Kerajaan
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
E-mail: sh.rokiah@uum.edu.my

ABSTRAK

Program *homestay* telah dilancarkan secara rasminya pada tahun 1995 oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan seperti menyediakan kursus, latihan dan bantuan, agar personaliti masyarakat dapat memenuhi keperluan untuk menjayakan program terlibat. Walau bagaimanapun, program *homestay* di Kampung Parit Penghulu, Melaka sehingga kini masih diragui punca kejayaannya kerana terdapat campurtangan pihak kerajaan secara berterusan dalam menjayakannya. Kajian ini mengandaikan bahawa punca kejayaan *homestay* terlibat bukan disebabkan oleh personaliti anggota masyarakat setempat yang tinggi, tetapi disebabkan oleh bantuan pihak kerajaan. Tujuan kajian adalah menilai kekuatan personaliti dari sudut keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi masyarakat setempat dalam menjayakan program *homestay*. Kajian ini memeriksa aspek personaliti dengan menggunakan kaji selidik melibatkan seramai 101 orang ketua isi rumah. Berdasarkan ujian purata terhadap personaliti keterbukaan, berhemah, peramah dan bertolak ansur adalah tinggi pada aras 4.20. Namun, bagi masyarakat yang diuji dengan aspek ketidakstabilan emosi pula tinggi dengan purata 2.25 yang menunjukkan emosi mereka adalah baik kerana berada pada skala yang rendah. Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa kejayaan program *homestay* di Kampung Parit Penghulu dipacu oleh personaliti masyarakat yang tinggi dari aspek keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi. Pada masa yang sama juga kejayaan program ini adalah disebabkan oleh bantuan kerajaan secara berterusan. Kajian menghujahkan bahawa, kejayaan program sehingga kini merupakan gabungan hebat antara kerajaan dengan penduduk setempat. Justeru, personaliti masyarakat yang baik perlu dikekalkan bagi mencapai kejayaan. Memandangkan pada masa kini kewangan kerajaan banyak disalurkan dalam membantu program *homestay*, diharap pada masa akan datang kerajaan mungkin boleh secara perlahan-lahan mengurangkan bantuan berkaitan dan menumpukan kepada sektor lain.

Kata kunci: *Homestay*, Pembangunan Komuniti, Personaliti, Pengurusan Pelancongan

ABSTRACT

The *homestay* program was officially launched in 1995 by the Ministry of Tourism and Culture. Various attempts have been made by the government to provide courses, training and assistance, so that the personality of the community can meet the requirements for success of the program involved. However, the *homestay* program at Kampung Parit Penghulu, Malacca is still dubious in terms of its source of success because there are continuous government interventions. This study assumes that the success of the *homestay* is not due to high personalities of members of the local

community, but due to the help of the government. The purpose of the study is to assess the strength of personality in terms of openness, conscientiousness, extraversion, agreeableness and neuroticism of the local community in the success of the homestay program. This study examined aspects of personality by using a survey involving 101 heads of households. Based on the average test of the personality of openness, conscientiousness, extraversion and agreeableness, the results show a high level score of 4.20. However, the community who tested with aspects of neuroticism, the score are also high with an average of 2.25 which show their emotions are good because the results are on the lower scale. Overall, the analysis shows that the success of the homestay program at Kampung Parit Penghulu is driven by high personality of the community from the aspects of openness, conscientiousness, extraversion, agreeableness and neuroticism. At the same time, the program's success is also due to the ongoing state assistance. The study argues that the program's success to date is a great combination between the government and local residents. Thus, the good personality of the community should be maintained in order to achieve success. As currently much government financial aids are channelled to the homestay program, it is hopeful that in the future the government may be able to slowly reduce related assistance and focus on other sectors.

Keyword: Homestay, Community Development, Personality, Tourism Management

PENGENALAN

Homestay yang diperkenalkan dan dipromosikan oleh kerajaan negeri Melaka sehingga kini telah mendapat sambutan dan sokongan hebat, di mana jumlah *homestay* di negeri ini telah bertambah dari semasa ke semasa bagi menampung kebanjiran pelancong dalam dan luar negara, terutama dari luar negara yang terus menjadikan Melaka sebagai destinasi pelancongan. Kerajaan negeri memberi galakan kepada rakyat supaya menubuhkan *homestay* di kawasan masing-masing bagi menambah keperluan bilik penginapan yang tidak dapat ditampung oleh hotel-hotel di negeri ini terutama semasa musim percutian. Umpamanya, dari segi penginapan pelancong tempatan, menurut Laporan Penyiasatan Pelancongan Domestik 2011 (Malaysia, 2012), para pelancong tempatan kebiasaannya menginap di rumah saudara-mara (83.9 peratus), hotel (14.2 peratus), *chalet* (0.8 peratus), pangsapuri (0.2 peratus), *homestay* (0.5 peratus) dan rumah rehat (0.4 peratus). Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan *homestay* penting kerana memberikan pilihan selain daripada rumah saudara, hotel dan *chalet*. Pada tahun 2010, Melaka mempunyai lima *homestay* dengan 93 pengusaha dan telah meningkat kepada 115 pengusaha *homestay* pada tahun 2011 dengan 173 buah bilik (Jadual 1). Kerajaan negeri terus memberikan sokongan, galakan, bantuan dan pinjaman berbentuk kewangan kepada pengusaha *homestay*. Bukti, menurut JKPK (2013), pada tahun 2008 pihak Majlis Tindakan Pelancongan Negeri membiaya program pentas budaya sebanyak RM 200,000 serta menaik taraf tandas peserta *homestay* sebanyak RM 95,000 dan menaik taraf pentas budaya sebanyak RM 150,000 pada tahun 2009. Selain itu, pihak Yang Berhormat pula membiaya set alatan muzik sebanyak RM 12,000 dan landskap kampung sebanyak RM 10,000 pada tahun 2009. Kemudian, pihak Kementerian Pelancongan juga turut membiaya kos menaik taraf kemudahan pelancongan sebanyak RM 50,000 pada tahun 2009. Dengan wujudnya *homestay* di kawasan tersebut, maka manfaat yang wujud pastinya dapat membantu ekonomi dan pendapatan masyarakat sekitar di samping menyediakan pekerjaan kepada golongan muda.

Program *homestay* yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1988 dan dilancarkan secara rasminya pada tahun 1995 telah menyediakan kursus, latihan dan bantuan, agar personaliti masyarakat dapat memenuhi keperluan bagi menjayakan program ini. Walau bagaimanapun, program *homestay* di Kampung Parit Penghulu, Melaka sehingga kini masih diragui punca kejayaannya kerana terdapat campurtangan pihak kerajaan secara berterusan dalam menjayakannya. Kajian ini mengandaikan bahawa punca kejayaan *homestay* terlibat bukan disebabkan oleh personaliti anggota masyarakat setempat yang tinggi, tetapi disebabkan oleh bantuan pihak kerajaan. Aspek personaliti yang diukur adalah berdasarkan Model *Big Five Factor* (BFF) yang merangkumi *openness* (keterbukaan), *conscientiousness* (berhemah), *extraversion* (peramah), *agreeableness* (bertolak ansur) dan *neuroticism* (ketidakstabilan emosi). Dalam hal ini, personaliti merupakan perkara asas dalam menentukan kejayaan sesebuah program *homestay* yang dianjurkan oleh sesuatu pihak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kekuatan personaliti masyarakat setempat dalam menjayakan program *homestay*.

Di Malaysia konsep *homestay* pula sepertimana ketetapan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (2012) ialah sebuah program yang memfokuskan kepada gaya hidup dan pengalaman, termasuk budaya tempatan yang diamalkan dan corak kegiatan ekonomi masyarakat. Menurut Mohamad Zaki Ahmad dan Johan Afendi Ibrahim (2011), nama program *homestay* telah lama digunakan sejak tahun 80an lagi dan masih kekal digunakan sehingga kini. Walau bagaimanapun,

istilah program inap desa juga membawa maksud dan konsep yang sama dengan program *homestay*. Menurut mereka, inap desa yang berlainan tempat akan menawarkan aktiviti berbeza berdasarkan ciri-ciri tempatan seperti lokasi, budaya, makanan dan aktiviti ekonomi.

BIG FIVE FACTOR

Secara umumnya, personaliti boleh ditakrif sebagai satu set ciri-ciri yang dinamik dan teratur dimiliki oleh seseorang, seterusnya mempengaruhi unsur kognitif, emosi, motivasi dan tingkahlaku melalui pelbagai situasi. Perkataan personaliti itu sendiri pada asalnya daripada perkataan *persona* (dalam Bahasa Latin) bermaksud topeng yang digunakan bagi tujuan menyembunyikan identiti sebenar pelakon atau menggambarkan watak yang hendak dilakukan. Menurut Winnie dan Gittinger (1973), personaliti merujuk kepada corak pemikiran, perasaan, pelarasan sosial dan tingkahlaku yang konsisten dipamerkan oleh individu sepanjang masa yang mempengaruhi jangkaan mereka, persepsi diri, nilai-nilai dan sikap. Sehingga kini, tiada persepakatan tentang takrif personaliti dalam bidang psikologi. Terdapat satu model disebut sebagai BFF atau sering juga disebut sebagai Model Lima Besar yang mampu menggambarkan personaliti manusia berdasarkan faktor keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi (Rajah 1). Model ini tidak asing lagi dalam kalangan pengkaji personaliti kerana sering digunakan bagi menentukan personaliti seseorang. Antara pengkaji yang sering menggunakan model ini seperti De Fruyt et al. (2006) dan McCrae (2002) kerana mampu mengukur personaliti seseorang dalam pelbagai situasi tanpa bertindih antara faktor ukurannya. Malah, istimewanya model ini setiap faktor mempunyai ciri-ciri yang jelas disenaraikan sebagai panduan penggunaannya. Umpamanya, keterbukaan melibatkan ciri-ciri pemikiran kreatif, waras, berfikiran suka akan perubahan, suka patuh kepada sesuatu yang baik, seni, idea-idea yang luar biasa dan rasa ingin tahu. Faktor berhemah pula melibatkan suatu sifat suka berhati-hati iaitu melakukan sesuatu perkara dengan teratur, suka akan ketepatan, prihatin, berdisiplin, sikap, taat, suka mencapai matlamat dan boleh dipercayai. Faktor peramah pula melibatkan suka akan suatu pengalaman di luar, mempunyai emosi positif, tegas, suka bergaul, suka bercakap dan suka bertindak segera. Faktor bertolak ansur pula mesra, belas kasihan, suka akan kerjasama dengan orang lain. Ketidakstabilan emosi pula merujuk kepada kestabilan emosi dan kawalan sistem saraf yang rendah seperti tidak mampu mengawal tekanan dan sensitif atau pasif.

BFF dari segi sejarahnya, didorong oleh penemuan penyelidikan tentang ciri-ciri dan struktur personaliti manusia berdasarkan bahasa kebanyakan masyarakat di seluruh dunia (Goldberg, 1981). Kajian-kajian yang dilakukan berjaya mengenal pasti beratus-ratus ciri personaliti manusia, namun akhirnya dikelaskan kepada hanya lima sahaja. Model awal kajian personaliti diwujudkan oleh Ernest Tupes dan Raymond Christal pada tahun 1961 tetapi gagal untuk mencapai persetujuan para akademik sehingga tahun 1980-an (Tupes & Christal, 1961). Pada tahun 1990, J.M. Digman pula mengkajinya secara terperinci dalam masyarakat dengan mengelaskannya hanya kepada lima faktor dan turut juga digunakan dalam pengurusan organisasi oleh L.R. Goldberg (Goldberg, 1993). Kelima-lima faktor domain merupakan suatu berbentuk umum dan menyeluruh mengandungi golongan personaliti yang dianggap mewakili struktur asas semua personaliti manusia (O'Connor, 2002). Lima faktor tersebut merupakan suatu kerangka konsep yang mengintegrasikan semua penemuan penyelidikan dan teori dalam psikologi personaliti.

Kepelbagaiannya penyelidikan yang dilakukan bagi membentuk BFF ini dicontohi dengan sekurang-kurangnya empat kajian pelbagai bentuk atau skop penyelidikan selama beberapa dekad. Umpamanya, Tupes & Christal (1961) merupakan orang pertama yang memulakannya, diikuti oleh Goldberg (1982) di Institut Penyelidikan Oregon, Cattell et al. (1957) di Universiti Illinois dan Costa dan McCrae (2002) di Institut Kesihatan Kebangsaan. Keempat-empat penyelidikan menggunakan kaedah yang agak berbeza dalam mencari lima ciri. Oleh kerana itu, setiap lima faktor yang dikaji mempunyai nama dan definisi yang agak berbeza kerana BFF mempunyai ciri-ciri yang luas dan menyeluruh, maka model tidak mampu meramal dan menerangkan personaliti manusia dengan jelas. Lain-lain penyelidikan terkini menggunakan BFF adalah dijalankan oleh O'Neill dan Xiao (2010), Jani (2011) dan Tok (2011). Kajian-kajian yang dijalankan oleh mereka adalah menggunakan BFF dalam pelbagai bidang atau skop kajian yang menunjukkan bahawa terdapat sebilangan pengkaji masih percaya bahawa BFF mampu menjadi pengukur penting dalam menentukan personaliti seseorang. Oleh sebab itu, maka model ini dikritik oleh pelbagai pihak. Banyak penyelidikan telah dijalankan menggunakan BFF dan hasilnya terdapat pandangan bahawa model ini sesuai dijadikan asas kajian personaliti dan tidak kurang terdapat juga kritikan terhadapnya yang menyatakan ia tidak mampu meramal ciri-ciri personaliti manusia. Pengkritik berhujah bahawa BFF tidak mampu meramal atau menjelaskan semua personaliti manusia. Satu lagi kritikan yang kerap dilontarkan adalah BFF bukan

bersandarkan kepada teori tertentu, sebaliknya ia berorientasikan hasil kajian berdasarkan data statistik atau analisis faktor. Oleh itu, ia lemah kerana tidak mementingkan sandaran teori tertentu.

Kritikan sering dilontarkan berkaitan dengan metodologi pembentukan model yang hanya berasaskan analisis faktor bagi mengenal pasti struktur dimensi personaliti manusia. Proses pembentukan model ini sering dicabar kerana tidak mempunyai asas yang universal dan diiktiraf oleh mana-mana teori. Penyelesaian rumusan kepada hasil kajian BFF hanya bersandarkan kepada tafsiran oleh penganalisis daripada perolehan analisis statistik. Satu kritikan lagi berdasarkan bukti yang hanya bersandarkan kepada laporan kaji selidik yang mungkin kurang tepat atau berlaku pemalsuan fakta dan jawapan. Sekiranya berlaku pemalsuan fakta atau jawapan pastinya memberikan kesan terhadap skor jawapan dan menjelaskan ramalan tentang personaliti (Goldberg, 1990). Walau bagaimanapun, satu cara bagi mengurangkan masalah kurang soalan ujian bagi menggambarkan personaliti seseorang, menurut Harms (2012) ia boleh ditangani dengan mempelbagaikan soalan dan jumlah soalan juga ditambah agar menjadi lebih menggambarkan personaliti seseorang. Malah, skop model yang terhad kerana mengabaikan faktor lain seperti keagamaan, tarikan seksual, politik, kejujuran, kekayaan dan budaya (Paunonen & Jackson, 2000). Malah menurut McAdams (1995), lain-lain aspek kelemahan model ini yang sukar dinilai dalam diri seseorang adalah manusia penuh dengan kepelbagaiannya seperti aspek perasaan dan kadang-kala suka menyembunyikan perkara tertentu dalam dirinya sehingga mewujudkan ralat dalam kajian.

METODOLOGI

Kampung Parit Penghulu merupakan kampung terbesar dalam Mukim Sungai Rambai Tengah merangkumi sebanyak 325 buah rumah yang terdiri daripada rumah jenis batu (158 buah), kayu (87 buah) dan separuh batu (80 buah). Jenis-jenis rumah tersebut menjadi asas persampelan kajian masyarakat secara kluster. Memandangkan jumlah masyarakat dan keluarga yang agak kecil dalam kampung ini, maka pengkaji menggunakan kaedah bersemuka bagi semua ketua isi rumah mengikut jenis kediaman. Sebanyak 325 buah rumah diedarkan borang kaji selidik dan pengkaji hanya mendapat kembali borang yang lengkap diisi sebanyak 101 set atau sebanyak 31 peratus daripada bilangan kediaman. Sejumlah 101 set kaji selidik yang diperoleh itu adalah usaha yang diambil setelah tiga kali percubaan menemui ketua isi rumah dilakukan oleh pengkaji serta pembantu penyelidik. Jumlah tersebut menurut Mohd Majid Konting (1990) sudah memadai bagi analisis statistik iaitu tidak kurang 10 peratus daripada jumlah kediaman atau ketua isi rumah dan mampu mewakili jumlah populasi kajian. Malah, bagi beliau jumlah minimum sampel yang boleh dan sesuai dijalankan ujian statistik dalam banyak situasi adalah sekurang-kurangnya 100 responden atau sampel. Secara keseluruhannya, jumlah sampel kajian yang diperoleh mengikut jenis kediaman dan digunakan bagi kajian ini adalah rumah batu (30 sampel), rumah separa kayu (30 sampel) dan rumah kayu (41 sampel).

Pengambilan sampel responden berdasarkan kediaman penting kerana dapat mengurangkan masalah pungutan data di lapangan. Dalam proses kutipan data kaji selidik, kebarangkalian borang tidak lengkap diisi akan berlaku yang menyukarkan pengkaji melengkapkan kembali borang tersebut. Oleh itu, dengan mengambil sampel ketua isi rumah yang berada dalam sesebuah kediaman, maka peluang memperbaiki borang kaji selidik yang rosak masih ada. Ini berbeza dengan mengambil sampel responden di tempat awam yang menyukarkan pengkaji memperbaiki borang kaji selidik yang rosak sekiranya terjadi kerana mustahil responden yang sama dapat dilibatkan kembali dalam kajian. Proses kutipan data kaji selidik di lapangan dilakukan dengan bantuan pembantu penyelidik yang dilatih khusus untuk mengendalikan kajian ini. Perkara yang penting adalah pengkaji memastikan setiap borang kaji selidik sedaya upaya diperoleh semula sepenuhnya atau dalam peratusan tertentu yang bersesuaian. Malah, pengkaji memastikan juga setiap borang kaji selidik yang diperoleh adalah lengkap diisi oleh responden.

Analisis dilakukan dengan menentukan nilai purata bagi setiap personaliti keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi. Analisis purata menetapkan bahawa, sekiranya nilai adalah tinggi iaitu antara 4.00 hingga 5.00 berdasarkan Skala Likert bagi keterbukaan, berhemah, peramah dan bertolak ansur, maka ia menggambarkan personaliti masyarakat adalah baik. Sebaliknya, bagi jenis personaliti ketidakstabilan emosi pula sedikit berbeza iaitu melihat kepada purata 1.00 hingga 2.00 kerana menunjukkan nilai yang lemah dalam *neurotic* (iaitu ketidakstabilan emosi yang baik). Kaedah analisis berdasarkan nilai purata ini juga pernah dijalankan oleh pengkaji terdahulu seperti Blau dan Barak (2012) berkaitan dengan personaliti dalam sesuatu program.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada hasil kajian menggunakan Skala Likert 1 (paling rendah) hingga 5 (paling tinggi) menunjukkan bahawa nilai purata bagi personaliti keterbukaan melibatkan ciri-ciri pemikiran kreatif, waras, berfikiran suka akan perubahan, suka patuh kepada sesuatu yang baik, seni, idea-idea yang luar biasa dan rasa ingin tahu adalah pada nilai purata 4.2 (tinggi). Oleh itu, responden adalah bersikap terbuka, kreatif dan menghargai perasaan pihak lain. Malah, sekiranya terdapat pihak tertentu yang memerlukan pertolongan, maka mereka sanggup memberikan bantuan atau khidmat. Dengan kata lain, mereka bersetuju sekiranya diri diminta terlibat dalam program *homestay*. Hasil ujian terhadap personaliti berhemah melibatkan sifat suka berhati-hati iaitu melakukan sesuatu perkara dengan teratur, suka akan ketepatan, prihatin, berdisiplin, sikap, taat, suka mencapai matlamat dan boleh dipercayai mendapati masih tinggi pada nilai purata 4.2. Berdasarkan maksud berhemah itu sendiri jelas menunjukkan bahawa masyarakat adalah mereka yang bersifat cermat, berhati-hati dan berdisiplin. Keadaan ini mendorong masyarakat memainkan peranan dengan baik dalam menjayakan program ini sekiranya pihak tertentu memerlukan bantuan. Purata personaliti peramah yang membabitkan aspek suka akan suatu pengalaman di luar, mempunyai emosi positif, tegas, suka bergaul, suka bercakap dan suka bertindak segera mendapati masih berada pada nilai purata 4.2 (tinggi). Keadaan ini mungkin didorong oleh sifat peramah itu sendiri yang ada dalam diri masyarakat seperti berfikiran positif, suka bercakap, memberikan pendapat dan tidak segan memberikan bantuan kepada pihak lain sekiranya memerlukan bantuan. Ini sekaligus menjelaskan bahawa ramai daripada responden adalah *extrovert* dan bukannya jenis *introvert* dalam konteks pemilihan personaliti diri mereka. Secara keseluruhannya, masyarakat bagi kawasan ini mempunyai personaliti jenis *extrovert* seperti berdisiplin, tegas, taat tidak malu meminta pertolongan sekiranya perlu dan tidak kisah memberikan bantuan kepada pihak lain.

Dapatkan kajian terhadap personaliti bertolak ansur yang merangkumi mesra, belas kasihan, suka akan kerjasama dengan orang lain masih menunjukkan penglibatan mereka dalam program *homestay* adalah baik dengan mencatat bacaan pada nilai purata 4.2 (tinggi). Keadaan ini mungkin disebabkan oleh sifat personaliti mereka yang bertolak ansur merangkumi aspek terdapatnya perasaan belas ehsan terhadap pihak lain, bertimbang rasa, mesra, membantu dan bersedia untuk berkerjasama dengan pihak lain untuk kejayaan sesuatu program. Analisis bagi personaliti ketidakstabilan emosi melibatkan aspek kawalan sistem saraf yang rendah seperti tidak mampu mengawal tekanan dan sensitif atau pasif berbeza situasinya kerana ia menguji masyarakat berdasarkan perspektif negatif dalam diri berkaitan dengan penglibatan masyarakat program *homestay*. Sekiranya hasil ujian menggambarkan semakin tinggi aras ketidakstabilan emosi mereka dalam program *homestay* ke arah skala 5, maka masyarakat adalah bersifat *neurotic* iaitu mempunyai masalah psikologi, personaliti atau sikap. Analisis menunjukkan tahap *neurotic* adalah rendah iaitu sekitar nilai purata 2.25 (dalam erti kata sebenar, ia memberikan maksud bahawa kurangnya perkara *neurotic* dalam diri masyarakat setempat dalam menjayakan program *homestay*).

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Program *homestay* merupakan satu daripada aktiviti komuniti yang bertujuan untuk membangun ekonomi masyarakat. Program ini berkonsepkan pertukaran budaya, bahasa, cara masakan, penghayatan nilai setempat dan secara umumnya lebih kepada pertukaran budaya antara kaum, bangsa dan cara hidup. Menurut Fariborz Aref (2011) serta Saheb Zadeh dan Nobaya Ahmad (2010), memandangkan program ini bersifat komuniti, maka kejayaan sesuatu program perlu dilihat secara lebih menyeluruh. Kajian berkaitan jenis personaliti hanya sebahagian daripada kajian sosio-psikologi dan komuniti. Namun demikian, perkara-perkara lain perlu diteliti bagi memastikan bahawa kejayaan sebuah *homestay* seperti bantuan kerajaan, kemahiran masyarakat dan tidak kurang pentingnya juga adalah pengusahaannya dalam konteks kemahiran, modal dan keusahawanan.

Dapatkan kajian jelas menunjukkan bahawa masyarakat yang memiliki jenis personaliti keterbukaan, berhemah, peramah dan bertolak ansur adalah tinggi dengan purata 4.2 bagi semua jenis personaliti tersebut. Malah, bagi masyarakat yang diuji dengan aspek ketidakstabilan emosi pula rendah aspek *neurotic* iaitu sekitar nilai purata 2.25 yang menandakan mereka berfikiran baik atau memiliki emosi yang stabil (tinggi) selaras dengan personaliti berkaitan dengan sifat keterbukaan, berhemah, peramah dan bertolak ansur. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa kejayaan program *homestay* di Kampung Parit Penghulu ini mungkin dipacu oleh personaliti masyarakat yang tinggi dari aspek keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi. Hal ini sekaligus menolak andaian dalam permasalahan kajian yang menyatakan bahawa kejayaan program *homestay* adalah disebabkan oleh bantuan kerajaan secara berterusan. Sebaliknya, hasil kajian mendapat selain


daripada campur tangan kerajaan, personaliti masyarakat juga adalah tinggi atau baik dalam menjayakan program ini. Kajian menghujahkan bahawa, kejayaan program sehingga kini merupakan gabungan hebat antara kerajaan dengan penduduk setempat. Hal ini penting sepertimana yang dikatakan oleh Kalsom Kayat dan Nor Ashikin Mohd Nor (2006) serta Kementerian Pelancongan Malaysia (2012) iaitu masyarakat perlu bergerak secara sedar atau inisiatif diri yang tinggi dan pihak kerajaan hanya mampu membantu dari segi sokongan nasihat, kewangan dan peluang.

Implikasi kajian terhadap dasar berkaitan dengan industri pelancongan adalah penting supaya langkah penambahbaikan kepada proses pembangunan *homestay* di Malaysia amnya dan Kampung Parit Penghulu khususnya dapat dilakukan. Ini kerana, pertimbangan yang baik dan teliti diharapkan dapat menghindari pelbagai masalah dalam mencapai kejayaan program *homestay*. Sekiranya melihat kepada agenda pembangunan nasional, sektor pelancongan adalah penyumbang besar kepada pendapatan negara. Oleh kerana itu, maka pihak kerajaan di bawah agensi atau jabatan tertentu perlu prihatin dalam membangunkan sektor pelancongan, termasuklah program *homestay* di seluruh negara. Ia bukan suatu perancangan yang terpinggir kerana telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan serta dasar berkaitan dengan pelancongan yang terdapat pada peringkat negara mahupun negeri. Sekiranya terdapat masalah dalam pelaksanaan program berkaitan dengan pembangunan *homestay* sudah pasti ia akan menjatuhkan imej industri pelancongan negara. Justeru, program ini perlu diperkasa agar kelangsungan perkhidmatannya dapat menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi rakyat dan negeri. Bagi tujuan tersebut personaliti masyarakat yang baik perlu dikekalkan dan diterjemah kepada tahap penglibatan yang baik bagi mencapai kejayaan secara menyeluruh. Memandangkan pada masa kini kewangan kerajaan banyak disalurkan dalam membantu pengusaha atau program *homestay*, diharap pada masa akan datang kerajaan mungkin boleh secara perlahan-lahan mengurangkan bantuan berkaitan dan menumpukan kepada sektor lain. Ini kerana, personaliti diri masyarakat sudah baik dalam menjayakan program ini pada masa kini dan akan datang. Oleh itu, dasar berkaitan *homestay* dan pelancongan sedia ada perlu dilihat kembali dari aspek bantuan kewangan agar dapat memberikan nilai kepada kewangan negara. Pada masa yang sama juga pemantauan perlu dilakukan supaya tidak mendatangkan kesan kepada industri ini apabila kerajaan mula mengurangkan bantuan.

RUJUKAN

- Blau, I. & Barak, A. (2012). How do personality, synchronous media and discussion topic affect participation? *Educational Technology & Society*, 15(2), 12-24.
- Cattell, R. B., Marshall, M. B. & Georgiades, S. (1957). Personality and motivation: Structure and measurement. *Journal of Personality Disorders*, 19(1), 53-67.
- De Fruyt, F., De Clercq, B. J., de Wiele, L. & Van Heeringen, K. (2006). The validity of Cloninger's psychobiological model versus the five-factor model to predict DSM-IV personality disorders in a heterogeneous psychiatric sample: Domain facet and residualized facet descriptions. *Journal of Personality*, 74(2), 479-510.
- Fariborz Aref. (2011). Sense of community and participation for tourism development. *Life Science Journal*, 2(1), 20-25.
- Goldberg, L. R. (1981). Language and individual differences: The search for universals in personality lexicon. In L. Wheeler (pnyt.). *Review of psychology and social personality* (pp. 141-165). Beverly Hills: Sage Publications.
- Goldberg, L. R. (1982). From ace to zombie: Some explorations in the language of personality. Hillsdale, New Jersey: Erlbaum.
- Goldberg, L. R. (1990). An alternative description of personality: The Big-Five Factor structure. *Journal of Personality and Social Psychology*, 59(6), 1216-1229.
- Goldberg, L. R. (1993). The structure of phenotypic personality traits. *American Psychologist*, 48(1), 26-34.
- Harms, P. (2012). An evaluation of the consequences of using short measures of the Big Five personality traits. *Journal of Personality and Social Psychology*, 102, 874-888.
- Jani, D. (2011). The influence of personality on tourist information behaviour. *e-Review of Tourism Research (eRTR)*, 9(3), 88-95.
- JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung). (2013). Gerakan Desa Wawasan 2012: Buku Profil Kampung.
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor. (2006). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: Satu kajian ke atas program homestay di Kedah. *Akademika*, 67, 77-102.

- Kementerian Pelancongan Malaysia. (2012). *Laporan Prestasi Program Homestay 2011*. Putrajaya: Kementerian Pelancongan Malaysia.
- Malaysia. (2012). *Laporan Penyiasatan Pelancongan Domestik 2011*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- McAdams, D. P. (1995). What do we know when we know a person? *Journal of Personality*, 63(3), 365–396.
- McCrae, R. R. (2002). NEO-PI-R data from 36 cultures: further Intercultural comparisons. In R. R. McCrae & J. Alik (Eds.), *The Five-Factor Model of personality across cultures* (pp. 105–125). New York: Kluwer Academic Publisher.
- Mohamad Zaki Ahmad & Johan Afendi Ibrahim. (2011). Inap desa sebagai satu agen pembangunan sosioekonomi komuniti: menelusuri perspektif pelajar-pelajar Pengurusan Pelancongan UUM. *Prosiding PERKEM VI*, hlm. 481 – 493.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- O'Connor, B. (2002). A quantitative review of the comprehensiveness of the Five-Factor Model in relation to popular personality inventories. *Assessment*, 9(2), 188–203.
- O'Neill, J.W. & Xiao, Q. (2010). Effects of organizational/ occupational characteristics and personality traits on hotel manager emotional exhaustion. *International Journal of Hospitality Management*, 29, 652-658.
- Paunonen, S. V. & Jackson, D. N. (2000). What is beyond the Big Five? Plenty! *Journal of Personality*, 68, 821–835.
- Saheb Zadeh & Nobaya Ahmad. (2010). Participation and community development. *Current Research Journal of Social Science*, 2(1), 13-14.
- Tok, S. (2011). The Big Five personality traits and risky sport participation. *Social Behavior and Personality*, 39(8), 1105-1112.
- Tupes, E. C. & Christal, R. E. (1961). Recurrent personality factors based on trait ratings. Technical Report ASD-TR-61-97, Lackland Air Force Base, TX: Personnel Laboratory, Air Force Systems Command, 1961. *American Psychologist*, 48(1), 26–34.
- Winnie, J. F. & Gittinger, J. W. (1973). An introduction to the personality assessment system. *Journal of Clinical Psychology*, 38, 1-68.



RAJAH 1: Konsep personaliti Model Lima Besar

JADUAL 1: Jumlah pengusaha homestay Melaka sehingga Disember 2011

Bil.	Homestay	Kampung	Pengusaha	Bilik
1.	Seri Tanjung	Kg. Seri Tanjung, Masjid Tanah	28	38
2.	Kg. Pulai	Kg. Pulai	20	29
3.	Kg. Alai	Kg. Alai	11	18
4.	Kg. Parit Penghulu	Kg. Parit Penghulu, Sg. Rambai	17	27
5.	Ayer Limau	Kg. Ayer Limau, Masjid Tanah	18	40
6.	Tambak Paya	Kg. Tambak Paya	12	12
7.	Kg. Morten	Kg. Morten	9	9
	Jumlah	7	115	173

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2012)